

# AKHLAK, MORAL DAN ETIKA

---

PN. MASNIZAH MOHD : (mas@ftsm.ukm.my) : E-4-45: tel : 89216671  
<http://www.ftsm.ukm.my/jabatan/tp/mas/TM3923.htm>

TM3923
Komputer, Etika & Sosial (2005)
1

### Objektif :

1. Memahami perbezaan antara akhlak, moral dan etika
2. Memahami konsep akhlak menurut pandangan beberapa agama
3. Nilai positif akhlak yang diterima secara global
4. Hubungan etika dan undang-undang

TM3923
Komputer, Etika & Sosial (2005)
2



### Kepentingan dan penekanan

1. Wawasan 2020 - dasar pembangunan negara dan masyarakat
2. UKM –Pelan Strategik ke-5  
meningkatkan sahsiah untuk kecemerlangan pelajar yang berilmu, berkualiti dan berbudi.

TM3923
Komputer, Etika & Sosial (2005)
4

### PENGERTIAN AKHLAK


- ∞ Akhlak dari segi bahasa didefinisikan sebagai moral, tabiat, perangai, budi, adab, sifat semulajadi, maruah, watak, amalan agama atau rupa batin seseorang
- ∞ Akhlak berasal dari bahasa Arab iaitu Khuluqun yang bererti budi pekerti, perangai, tingkah laku atau tabiat.
- ∞ Definisi ilmu akhlak menurut Prof. Omar Al Toumy Al Syaibani pula, ilmu yang mengkaji tentang hakikat perbuatan berakhlak, sifat kebaikan, kejahatan, kebenaran, kewajipan, kebahagiaan, hukum dan tanggungjawab akhlak, motif kelakuan dan asas-asas teori gagasan akhlak.

TM3923
Komputer, Etika & Sosial (2005)
5

Prof. Dr. Ahmad Amin dalam bukunya 'Al- Akhlaq' merumuskan pengertian akhlak sebagai :

Akhlak ialah suatu ilmu yang menjelaskan erti baik dan buruk, menerangkan apa yang seharusnya dilakukan oleh setengah manusia kepada yang lainnya, menyatakan tujuan yang harus dituju oleh manusia dalam perbuatan mereka dan menunjukkan jalan untuk melakukan apa yang harus diperbuat "


TM3923
Komputer, Etika & Sosial (2005)
6



Manakala menurut Dr. Miqdad Yalchin akhlak ialah

" Prinsip-prinsip dan dasar atau kaedah yang ditentukan oleh wahyu untuk mengatur tingkah laku manusia dalam kehidupannya. Ia membentuk dan menentukan hubungan dengan orang lain agar misi kehidupan manusia terlaksana dengan sempurna "

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (2005) 7




**Keseluruhannya**

Akhlak adalah sains yang mengkaji soal kebaikan dan keburukan serta cara untuk mempraktikkan kebaikan dan menolak keburukan.

Akhlak juga berkait rapat dengan kejiwaan. Oleh itu ada yang mentafsirkan akhlak sebagai ilmu yang menyarankan cara-cara membersihkan jiwa dengan tumpuan kepada apakah itu kebaikan dan keburukan; apakah kriteria yang dapat menilai sesuatu itu sebagai baik dan buruk; dan apakah motif dan nilai di sebalik sesuatu perlakuan tersebut.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (2005) 8




**Jenis Akhlak**

Islam telah membahagikan akhlak kepada dua iaitu akhlak yang mulia atau akhlak terpuji (Al-Akhlak Mahmudah) dan akhlak yang buruk atau akhlak tercela (Al-Akhlak Mazmumah).

Menurut Imam Ghazali, akhlak yang mulia mempunyai empat perkara iaitu bijaksana, memelihara diri dari sesuatu yang tidak baik, keberanian (menundukkan hawa nafsu) dan bersifat adil.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (2005) 9




Seperti kata pepatah seorang penyair Mesir, Syauqi Bei

"hanya saja bangsa itu kekal selama berakhlak, bila akhlaknya telah lenyap, maka lenyap pulalah bangsa itu"

Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: "Orang Mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang paling baik akhlaknya." (Hadith Riwayat Ahmad).


TM3923 Komputer, Etika & Sosial (2005) 10



**AKHLAK DARI SUDUT PANDANGAN BEBERAPA AGAMA**

1. Agama Islam
2. Agama Hindu
3. Agama Buddha
4. Agama Kristian
5. Ajaran Confusionisme

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (2005) 11



**Agama Islam**

Para Rasulullah dipertanggungjawabkan memikul tugas membawa akhlak yang mulia-memperbaiki dan mengajar

Akhlak terpuji yang perlu diikuti oleh umat Islam adalah akhlak Nabi Muhammad s.a.w.

Menurut hadis riwayat Bukhari "Akhlak Rasulullah s.a.w. adalah Al-Quran".

Menurut hadis riwayat Muslim "Sesempurna iman seseorang mukmin adalah mereka yang paling bagus akhlaknya".

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (2005) 12

## Agama Hindu

Agama Hindu berdasarkan kepada kitab Veda yang mengandungi dasar-dasar ketuhanan dan prinsip-prinsip etika yang wajib dipegang teguh oleh pengikutnya.

Prinsip tersebut ialah sifat patuh dan disiplin dalam melaksanakan upacara keagamaan.

Tanda-tanda kebaikan dalam agama Hindu ialah kemerdekaan, kesihatan, kekayaan dan kebahagiaan. Tanda-tanda kejahatan pula ialah perhambaan, sakit, fakir dan kecelakaan.

Prinsip etika Hindu ialah peraturan agama itu dipandang sebagai sumber segala kemuliaan akhlak manusia

Etika dalam agama Hindu bergantung kepada prinsip "Brahma" yang menjadi dasar kepada norma yang teratur dan bermatlamat.

Ia bermaksud keadilan, kebaikan, kesucian, benar, sederhana dan suci.

Brahma ini menjadi kod etika yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Brahma merupakan salah satu matlamat hidup yang mesti diikuti berdasarkan kelas dan status seseorang.

## Agama Buddha

Pengajaran Buddha diasaskan oleh Siddhartha Gautama. Menurut ajaran Buddha, terdapat Empat Kebenaran Mulia atau etika yang diperjuangkan iaitu:

1. Hidup manusia penuh penderitaan.
2. Manusia menderita kerana nafsu.
3. Manusia perlu menghapuskan nafsunya untuk melepaskan diri daripada penderitaan dan mencapai nirwana.
4. Penderitaan dapat dihapuskan dengan mengamalkan Jalan Lapan Lapis Mulia.

Jalan Lapan Lapis Mulia menurut ajaran Buddha ialah pengetahuan yang baik, pemikiran yang baik, pertapaan yang baik, perkataan yang baik, keinginan yang baik, kelakuan yang baik, usaha yang baik dan kehidupan yang baik

Kerangka dasar ajaran Buddha ialah:

1. Ajaran tentang Sradha (keyakinan).

Penganut Buddha harus memiliki keyakinan terhadap Tuhan, adanya para Buddha, kitab suci dan nirwana.

2. Ajaran tentang sila (etika).

Sila atau budi pekerti manusia dititikberatkan supaya manusia boleh mencapai suatu kebijaksanaan yang sempurna. Kesempurnaan ini dapat diperolehi dengan mengamalkan enam jalan sempurna iaitu pemberian dalam bentuk kebendaan dan moral; keseimbangan, keteguhan dan kebersihan perbuatan, perkataan dan pemikiran; pemikiran yang tenang dan seimbang; semangat yang berkobar-kobar dan penuh perjuangan untuk mencapai tujuan; dan niat untuk mempersatukan pemikiran.

3. Ajaran tentang rituil (bhakti).


Rasa hormat dan sujud kepada sesuatu yang harus dihormati

## Agama Kristian

Agama Kristian diasaskan oleh Jesus Christ- kitab Injil.

Ajaran agama Kristian menitikberatkan unsur kasih sayang dan belas kasihan antara sesama manusia.

Ajaran asasnya ialah mencintai Tuhan dengan sepenuh hati dan mencintai jiran seperti mencintai diri sendiri.




*Old Testament* (Perjanjian Lama) ada menyebutkan undang-undang yang berupa *The Ten Commandments* yang diperkenankan Tuhan melalui para nabi bertujuan supaya manusia mengamalkan cara hidup yang baik, di antaranya jgn berzina, menghormati kedua ibubapa, jgn membunuh, mencuri, etc

*Old Testament* juga menekankan keadilan, kejujuran dan berbuat baik. Dalam *New Testament* prinsip etika turut ditekankan.

Tujuan hidup bukan hanya untuk mengumpul kebendaan, kedudukan dan pangkat kerana itu tidak kekal.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (2005) 19




**Ajaran Confusionisme**

Ajaran Confusionisme dibawa oleh Kung Fu Tse, seorang ahli falsafah China yang terkenal membawa nilai-nilai murni dalam ajarannya. Ajaran etika beliau termasuklah:


1. Orang yang bijaksana mampu untuk mencapai kesempurnaan berbanding dengan orang biasa.
2. Kebijaksanaan boleh dicapai melalui proses berfikir, menaakul, menganalisis, meneliti dan belajar mencari kebenaran. Hanya kebenaran dapat menghasilkan etika yang baik.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (2005) 20




3. Mengasingkan diri dengan tujuan mengabdikan diri kepada Tuhan. Perbuatan mengasingkan diri untuk beribadat dianggap beretika
4. Sentiasa gemarkan majlis ilmu. Sentiasa menghadiri dan menganjurkan perbincangan yang berkaitan dengan ilmu secara terbuka.
5. Membimbing dan menyebarkan ilmu berkaitan dengan etika kepada ahli masyarakat.
6. Masyarakat digalakkan mengamalkan etika yang baik dan mengelakkan etika yang jahat supaya hidup selesa dan bahagia.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (2005) 21



Apakah akhlak yang perlu dimiliki ?


TM3923 Komputer, Etika & Sosial (2005) 22



**FAKTOR-FAKTOR PEMBENTUKAN AKHLAK MULIA**

1. AGAMA
2. DIRI SENDIRI
3. KELUARGA
4. PENDIDIKAN
5. PERSEKITARAN

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (2005) 23



**Pengertian Moral**

Moral merupakan persoalan yang praktikal namun tidak semua persoalan praktikal adalah moral.

Moral membicarakan persoalan yang betul atau salah, apa yang perlu dilakukan dan ditinggalkan atas sebab-sebab tertentu dan dalam keadaan tertentu.

Pertimbangan moral bergantung kepada suasana atau keadaan yang membentuk individu. Misalnya sistem sosial, kelas sosial dan kepercayaan yang dianuti.

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (2005) 24

Moral merupakan cara melihat dan menilai sesuatu isu berhubung dengan sesuatu tingkah laku berdasarkan pandangan jagat dan budaya sesuatu masyarakat.

Perbuatan yang serupa dilihat dari sudut yang berlainan berdasarkan nilai yang dipegang oleh masyarakat yang berbeza. Dalam aspek ini kerap moral disamakan dengan etika.

Peter Baelz dalam bukunya *Ethics and Belief* menyatakan bahawa "moral dan etika selalunya mempunyai makna yang sama. Apakah faedah membezakan di antara keduanya kerana selalunya kita gagal untuk membezakannya."

Berdasarkan kenyataan Peter Baelz, moral dan etika mempunyai persamaan.

Moral bersifat praktikal kerana ia merupakan disiplin yang memberitahu apakah sistem moral yang dihayati oleh sesuatu masyarakat.

Manakala etika bersifat teoretikal kerana ia mengkaji, menganalisis dan mengkritik sistem moral tersebut.

Moral merupakan bahan yang dikaji oleh etika manakala etika adalah ilmu yang mengkajinya.

### Pengertian Etika

Perkataan etika berasal dari perkataan Inggeris *ethics*. *Ethics* pula berasal dari perkataan Greek *ethos* bermaksud watak atau budaya.

Ia merujuk kepada sikap dan adat yang menentukan tingkah laku sesuatu golongan.

Etika adalah sains menilai dan memahami proses penilaian.

Ia berkaitan dengan perlakuan mentafsirkan sesuatu perbuatan tersebut baik ataupun sebaliknya.

Dua perkara asas yang menjadi tumpuan dalam etika ialah akhlak individu seperti takrifan individu yang baik dan peraturan-peraturan sosial seperti peraturan mengenai benar atau salah (moraliti) yang menghadkan tingkah laku individu (Mohamad Mohsin & Hamdzun 2002).

Sidi Gazalba dalam buku beliau *Sistematika Filsafat* merumuskan bahawa etika ialah teori mengenai laku-perbuatan manusia dipandang dari segi baik dan buruk dan sejauh mana pula dapat ditentukan oleh akal.

Menurut Abdul Fatah Hassan (2001) pula, etika menyelidik, memikirkan dan mempertimbangkan mengenai yang baik dan yang buruk.

Etika melihat secara universal perbuatan manusia.

Etika juga merujuk kepada falsafah tingkah laku manusia yang dilihat dari aspek lahiriah dan batiniah.

Ini tidak serupa dengan moral yang merupakan ajaran, kumpulan peraturan dan ketetapan, lisan atau bertulis mengenai bagaimana manusia perlu bertindak supaya menjadi manusia yang baik.

Moral memandu manusia tentang cara bagaimana manusia harus bertingkah laku (tingkah laku baik) manakala etika pula mengenai mengapakah manusia mesti mengikuti arahan moral tersebut.

Etika merupakan tingkah laku dan kelakuan moral yang dijangka diikuti oleh manusia sejagat manakala ilmu etika merupakan satu disiplin ilmu yang mengkaji tentang moral, prinsip moral, kaedah moral dan tindakan serta kelakuan manusia yang betul.

Fungsi etika menggariskan beberapa prinsip atau ukuran asas untuk menentukan apakah tingkah laku yang betul, apakah yang salah, apakah tingkah laku yang bertanggungjawab dan apakah yang tidak.

### Adakah Etika dan Moral Itu Sama?

Etika dan moral sering disalahfahami.

Misalnya, penggodaman bukan masalah etika tetapi adalah kesalahan moral untuk mendapatkan capaian yang tidak mendapat kebenaran.

Masalah etika adalah berkaitan dengan sesuatu yang membuahkan hasil yang salah atau sesuatu yang tidak adil.

Ruang lingkup perbincangan etika adalah lebih luas berbanding dengan moral.

Fokus etika lebih luas mencakupi estetika, etika profesional, tingkah laku dan logik. Etika mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan manusia bagi menyediakan prinsip tanggungjawab dan menilai tindakan yang berkaitan dengan kemanusiaan.

Moral merujuk kepada cara berfikir, bertindak dan bagaimana mereka harus bertindak, manakala etika adalah falsafah moral berkaitan dengan masalah betul atau salah.

Moral adalah sebahagian daripada etika.

Terdapat pelbagai teori etika dan teori-teori ini mengandungi pernyataan :

#### Deskriptif

Teori etika dengan pernyataan deskriptif memberitahu dan menerangkan bagaimana tingkahlaku manusia atau sesuatu masyarakat serta peraturan etika mereka.

#### Normatif

Teori etika dengan pernyataan normatif memberitahu kita apakah tindakan yang patut dibuat dan apakah tindakan yang betul.

### Adakah etika bersifat relatif?

Perbuatan

1. Mencuri
2. Perempuan tua miskin mencuri kerana anaknya kelaparan
3. Perhambaan
4. Pengguguran anak
5. Homoseksual dan lesbian

Jelas apa yang kita fikir benar tidak semestinya benar bagi orang lain.

Benar dan salah adalah konsep yang relatif.

Ahli etika relatif menolak kebenaran dan kesalahan yang universal. Mereka berpendapat tidak wujud moral benar dan salah secara universal.

Benar dan salah adalah relatif bagi sesuatu masyarakat bergantung kepada budaya dan pemikiran mereka.

### Membuat Keputusan Etika

Membuat keputusan etika memberi panduan untuk membantu seseorang menganalisa keadaan dengan melihat dari beberapa sudut iaitu :

1. Hubungan keadaan etika dengan undang-undang
2. Alasan-alasan formal dan informal
3. Berlandaskan prinsip-prinsip, teori etika.

**HUBUNGAN KEADAAN ETIKA DENGAN UNDANG-UNDANG**

	SAH	TIDAK SAH
BERETIKA	I Menamatkan perkhidmatan seseorang	II Menyalin fail penting milik syarikat
TIDAK BERETIKA	III Tidak menyatakan sumber rujukan	IV Membocorkan rahsia pelanggan

TM3923      Komputer, Etika & Sosial (2005)      37

**Perbezaan antara etika dan undang-undang**

Etika	Undang-undang
1. Dikuatkuasakan oleh hati sendiri. Hukuman melanggar etika ialah rasa bersalah dalam diri sendiri	Dikuatkuasakan oleh mahkamah. Hukuman melanggar undang-undang adalah seperti yang diperuntukkan dalam undang-undang bertulis negara
2. Menentukan batas adat, idealisme, keyakinan dan nilai. Batas tersebut adalah relatif dan abstrak mengikut masyarakat.	Penentuan batas perlakuan adalah jelas. Dianggap melakukan jenayah jika melampaui batas tersebut. Bentuk perlakuan boleh bersifat global. Misalnya, mencuri adalah jenayah dalam semua masyarakat

TM3923      Komputer, Etika & Sosial (2005)      38

Etika	Undang-undang
3. Mematuhi nilai dan kod etika dapat menghindari pelanggaran undang-undang	Mematuhi undang-undang tidak bermakna mematuhi etika
4. Bersifat lebih umum dalam mengawal jenayah	Merupakan peraturan minimum untuk mengawal jenayah
5. Mengembangkan sikap membezakan antara yang baik dan buruk dalam masyarakat	Cukup untuk menentukan batas etika dan moral

TM3923      Komputer, Etika & Sosial (2005)      39

Etika	Undang-undang
6. Membatasi perlakuan baik dan jahat sama ada individu atau kelompok	Tidak meliputi untuk menjadi panduan individu dan masyarakat yang rencam
7. Mengambil kira faktor rohaniah seperti hasad dengki dan lain-lain penyakit jiwa	Faktor rohaniah dan kejiwaan tidak diambilkira. Hukuman hanya dijatuhkan akibat kesan daripada perlakuan hasad dengki yang dizahirkan
9. Mengambil kira semua faktor termasuk yang abstrak	Tidak mengambil kira perkara yang abstrak seperti engkar, khianat dan sebagainya

TM3923      Komputer, Etika & Sosial (2005)      40

**ALASAN-ALASAN FORMAL DAN INFORMAL**

INFORMAL	FORMAL
1. Siapakah yang merahsiakan keadaan?	1. Adakah tindakan ini melanggar polisi korporat?
2. Apakah pendapat keluarga?	2. Adakah perbuatan ini melanggar kod etika professional?
3. Adakah umum tahu?	3. Adakah beliau melanggar peraturan syarikat?
4. Adakah aktiviti tersebut diiklan untuk tujuan keuntungan?	


TM3923      Komputer, Etika & Sosial (2005)      41

**Prinsip-Prinsip Teori Etika**

Prinsip-prinsip etika juga menyumbang dalam membuat keputusan etika. Berdasarkan prinsip ini individu mempunyai tanggungjawab seperti:

1. Memupuk kepercayaan
2. Memperbaiki moral diri dan berusaha tidak mengulangi perbuatan yang tidak bermanfaat
3. Menghormati keputusan dan menghargai orang lain
4. Berlaku adil, amanah dan jujur
5. Membantu mereka yang dalam kesusahan

TM3923      Komputer, Etika & Sosial (2005)      42



### Kesimpulannya ?

TM3923 Komputer, Etika & Sosial (2005) 44